



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	5/1/2020
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



Sebahagian pokok tumbang dirosakkan sekumpulan gajah di Kampung Contoh, Kahang, semalam. (Foto Adnan Ibrahim/BH)

Kumpulan haiwan liar berlegar depan rumah, musnahkan tanaman

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kluang: Tujuh sekeluarga di pinggir Kampung Contoh, Kahang, dekat sini, berdepan detik cemas hampir tiga jam apabila kediaman mereka didatangi lima gajah dalam kejadian pada jam 1 pagi semalam.

Lebih mencemaskan, apabila seekor daripada kumpulan gajah berkenaan turut 'mengetuk' pintu rumah menggunakan belainya sebelum merosakkan tanaman berhampiran kediaman mereka.

Masnah Misron, 68, berkata kehadiran kumpulan gajah itu disedari keluarganya apabila mendengar bunyi dengusan yang agak kuat sebelum meninjau melalui tingkap.

Katanya, sebaik melihat haiwan berkenaan berlegar-legar di hadapan rumah, mereka mendiamkan diri sambil berkumpul dan berpelukan di dalam sebuah bilik kerana ketakutan.

"Apatah lagi apabila mendengar seperti pintu rumah diketuk. Kami bimbang haiwan terabit menerjah masuk dan mencederakan kami.

"Selepas itu, apa yang dapat kami dengar adalah pokok betik, nangka dan kelapa tumbang dipercayai dilakukan oleh kumpulan gajah berkenaan," katanya.

Dia menceritakan pengalaman menakutkan itu kepada Ahli De-



Masnah menunjukkan tanamannya yang musnah kepada Vidyantanan.

wan Undangan Negeri (ADUN) Kahang, R Vidyantanan, yang secara kebetulan datang ke kediaman keluarga berkenaan untuk menyalurkan bantuan pasca banjir semalam.

Masnah berkata, kejadian itu belum dilaporkan kepada mana-mana pihak kerana tidak tahu saluran sebenar untuk berbuat demikian.

"Kejadian ini yang pertama berlaku di kediaman kami na-

mun ia meninggalkan kesan yang amat menakutkan selain bimbang haiwan itu akan datang semula," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor, Salman Saaban, ketika dihubungi berkata pihaknya belum menerima sebarang maklumat kejadian dan akan menghantar kakitangan untuk melakukan siasatan.